

Selasa – 17 November 2020

Halaman : 29

Jangan musnahkan 'pasar raya' kami - Etnik Jahut

Oleh SALEHUDIN MAT RASAD
utusannews@mediamulia.com.my

TEMERLOH: Bimbang kualiti kehidupan berubah, kira-kira 8,000 penduduk masyarakat Orang Asli etnik Jahut membantah kegiatan pembalakan di kawasan seluas 60 hektar di Hutan Simpan Kekal Krau, dekat sini sejak sebulan lalu.

Masyarakat Orang Asli berkenaan menjadikan Hutan Simpan Kekal Krau sebagai sumber ekonomi dan menganggapnya sebagai 'pasar raya' untuk mendapatkan pelbagai keperluan dalam meneruskan kehidupan sehari-hari.

Kebimbangan penduduk daripada sembilan kampung itu berdasarkan pelbagai faktor seperti perubahan iklim, kerosakan kawasan tadahan air, kehilangan hak mengekal dan memuliakan tadahan air, hilang sumber perubatan tradisional, aktiviti berburu serta hasil hutan.

Antara kampung terlibat adalah Kampung Orang Asli Sungai Moi, Paya Mendol, Pasu, Lubuk Wong, Pian, Paya Pelong dan Kampung Kuala Terbol yang mana kesemua masyarakat di situ menjadikan hutan sebagai sumber kehidupan harian.

Naib Presiden Jaringan Orang Asli Semenanjung Malaysia, **Yusri Ahon**, 57, berkata, aktiviti pembalakan menjejaskan kualiti harian masyarakat Orang Asli di sini sembilan kampung terlibat.

"Rata-rata masyarakat Orang Asli terkejut apabila wujud aktiviti pembalakan di kawasan dianggap periu nasi mereka se-



MASYARAKAT Orang Asli etnik Jahut mengadakan demonstrasi aman bagi membantah aktiviti pembalakan di Hutan Simpan Kekal Krau, Temerloh, Pahang, semalam.

jak ratusan tahun.

"Selain menjejaskan kualiti harian masyarakat Orang Asli, kegiatan pembalakan di situ turut merosakkan kubur dan dusun di Kampung Luak dan Kampung Sungai Kijal," katanya selepas mendengar taklimat pembalakan oleh Pegawai Perhutanan Temerloh, Azmi Abdul Rahman di Kampung Paya Luas, di situ semalam.

Yusri berkata, masyarakat Orang Asli di situ membuat keputusan sebulat suara membantah kelulusan lesen dan kerja-kerja pembalakan di Hutan

Simpan Kekal Krau.

Menurutnya, penduduk telah menandatangi surat bantahan dan menghantar memorandum kepada syarikat yang beralamat di Tangkak, Johor.

"Kami mahu syarikat pemaju dan pihak berkuasa menghormati keputusan penduduk demi mengekalkan semua sumber dan ekosistem yang ada di Hutan Simpan Krau demi kelangsungan hidup serta adat dan budaya etnik Jahut."

"Kami akan berjumpa dan mengemukakan rayuan dalam tempoh dua minggu ini kepada

Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail dan kemungkinan Yang di-Pertuan Agong supaya membatalkan pembalakan di kawasan ini," katanya.

Sementara itu, Ketua Kampung Pasu, **Rizal Latif** berkata, Hutan Simpan Kekal Krau adalah sumber ekonomi penduduk dan dianggap sebagai 'pasar raya' bagi masyarakat Orang Asli di situ.

"Kami kecewa kerakusan pihak tertentu mengaut keuntungan mudah dengan mengorbankan hutan simpan di sini," katanya.